



NOTIS TAWARAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYA

UM.TNC4/JHB/BA/634/2025/M1/KK4 TAWARAN BAGI MENJALANKAN PERKHIDMATAN PREMIS MAKANAN DI MEDAN SELERA NO. 1, KOLEJ KEDIAMAN BESTARI (KK4), UNIVERSITI MALAYA.

Tawaran adalah dipelawa kepada mana-mana PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) ATAU AKTA KOPERASI DAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DALAM KOD BIDANG 040103 – MAKANAN BERMASAK (ISLAM) SAMA ADA BERTARAF BUMIPUTERA ATAU BUKAN BUMIPUTERA bagi menjalankan perkhidmatan premis makanan di Medan Selera No. 1, Kolej Kediaman Bestari (KK4), Universiti Malaya.

Dokumen tawaran boleh diteliti dan dibeli di Kaunter Bahagian Pengurusan Penginapan & Fasiliti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya, Kuala Lumpur mulai 15 Januari 2025 (Rabu),

Pembekal/kontraktor mestilah berdaftar dengan pihak Universiti Malaya secara online di UM Procurement & Payment Management System di laman sesawang <https://vendor.um.edu.my>. Dokumen tawaran ini boleh dibeli dengan bayaran sebanyak RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja) dan pembayaran di buat melalui Sistem E-Pay@UM di laman sesawang <https://epay.um.edu.my>

Pembekal dikehendaki mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) semasa pembelian dokumen tawaran.

Sesi lawatan tapak/taklimat Tawaran Perkhidmatan (diwajibkan) akan diadakan pada 22 Januari 2025 (Rabu), jam (11.00 pagi) di Medan Selera No.1, Kolej Kediaman Bestari (KK4). Pembekal yang berminat, dikehendaki menghubungi Cik Nurafiqah Mohd Ridzuan Arul / Puan Noor Aida Muhamad daripada Bahagian Pengurusan Penginapan & Fasiliti, JHEP di talian 03-7967 3563. Penawar Perkhidmatan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih sah (valid) semasa lawatan tapak. Hanya Penama di dalam Sijil yang dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak.

Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut boleh menghubungi:

- (i) Bahagian Pengurusan Penginapan & Fasiliti, JHEP - 03-7967 3563
- (ii) Jabatan Harta Benda, (JHB) – 03 7967 6830 / 4695

Tarikh tutup ialah pada 13 Februari 2025 (Khamis) tepat jam 12.00 tengah hari. Dokumen Tawaran Perkhidmatan yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.

